

D.R. 17/2019

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 2016.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 2019.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 4

2. Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subperenggan 4(1)(a)(iii) dengan menggantikan perkataan “modal syer dikeluarkan” dengan perkataan “keseluruhan jumlah syer dikeluarkan”.

Pindaan seksyen 66

3. Seksyen 66 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Bagi maksud seksyen ini, “dokumen” ertinya suatu dokumen yang dikehendaki untuk disempurnakan oleh mana-mana undang-undang bertulis, ketetapan, perjanjian atau perlembagaan mengikut subseksyen (1).”.

Pindaan seksyen 72

4. Seksyen 72 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Syer hendaklah” dengan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), syer hendaklah”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Jika mana-mana syer itu ditebus daripada keuntungan menurut perenggan 4(a) yang selainnya telah tersedia untuk dividen, maka hendaklah dipindahkan ke dalam akaun modal syer syarikat, suatu jumlah wang yang bersamaan dengan amaun syer yang ditebus itu.”.

Pindaan seksyen 84

5. Subseksyen 84(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “khas”.

Pindaan seksyen 93

6. Perenggan 93(2)(b) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “bagi pihak pemegang syer” dengan perkataan “yang mewakili sekurang-kurangnya sepuluh peratus jumlah hak mengundi dalam kelas itu”.

Pindaan seksyen 247

7. Subseksyen 247(3) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “secara bertulis kepada Pendaftar” perkataan “tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum pengedaran penyata kewangan syarikat pemegang”.

Pindaan seksyen 253

8. Subseksyen 253(2) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “atau (2)”; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “were” dengan perkataan “is”.

Pindaan seksyen 304

9. Seksyen 304 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pernyataan” dengan perkataan “ketetapan”; dan

(b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “mesyuarat” dengan perkataan “syarikat menjadi tertakluk kepada kehendak di bawah seksyen 302 untuk mengedarkan ketetapan”.

Pindaan seksyen 340

10. Perenggan 340(1)(c) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “fi pengarah” dengan perkataan “saraan juruaudit”.

Pindaan seksyen 386

11. Subseksyen 386(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “penggulangan sesuatu syarikat mula berkuat kuasa” dengan perkataan “pelantikan penerima atau penerima dan pengurus di bawah seksyen 385”;

(b) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a); dan

(c) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) seorang penerima dan pengurus boleh terus bertindak sebagai seorang penerima sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a); dan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) seorang penerima dan pengurus boleh terus menjalankan segala kuasa seorang penerima dan pengurus bagi maksud menjalankan urusan syarikat dengan syarat bahawa penerima dan pengurus itu memperoleh persetujuan daripada penyelesaian atau jika penyelesaian enggan memberikan persetujuannya, persetujuan Mahkamah.”.

Pindaan seksyen 409

12. Perenggan 409(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan” di hujung perenggan itu dengan perkataan “atau”.

Pindaan seksyen 433

13. Seksyen 433 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “dan (c)” dengan perkataan “, (c), (d) dan (e)”; dan

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dan (c)” dengan perkataan “, (c), (d) and (e)”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Apa-apa kelulusan yang diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen (4) boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa had atau syarat yang difikirkannya patut dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Menteri melalui penyampaian suatu notis pembatalan kepada orang yang diluluskan itu.

(4B) Tiap-tiap kelulusan di bawah seksyen ini termasuk pembaharuan kelulusan penyelesai hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh dua tahun selepas tarikh pengeluaran melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan.

(4C) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan boleh mewakili semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang atau kumpulan orang.”.

Seksyen 580A baharu

14. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 580 seksyen yang berikut:

“Jaminan untuk kos

580A. (1) Jika suatu syarikat ialah plaintif dalam apa-apa tindakan atau prosiding lain dan jika didapati melalui suatu keterangan yang boleh dipercayai bahawa ada sebab untuk mempercayai bahawa syarikat itu tidak dapat membayar kos bagi defendan jika defendan berjaya dalam pembelaannya, Mahkamah boleh memerintahkan plantif itu untuk memberi jaminan yang secukupnya bagi semua kos dan menggantung semua tindakan atau prosiding sehingga jaminan itu diberikan.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan supaya kos bagi apa-apa tindakan atau prosiding ditanggung oleh pihak kepada tindakan atau prosiding itu.”.

Kecualian

15. (1) Apa-apa permohonan yang belum selesai bagi—

- (a) suatu perintah untuk membenarkan mana-mana subsidiari kepada syarikat pemegang untuk mempunyai tahun kewangan yang tidak sama dengan dengan syarikat pemegang itu; dan
- (b) suatu kelulusan atau kebenaran untuk dilantik sebagai penyelesai,

yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dan belum selesai di hadapan Pendaftar atau Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus menjadi sah dan hendaklah diuruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa perintah, kelulusan atau kebenaran yang dibuat atau diberikan di bawah Akta ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan berhubung dengan orang yang baginya perintah, kelulusan atau kebenaran terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan, dibatalkan, ditamatkan atau digantikan di bawah peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Syarikat 2016 (“Akta 777”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subperenggan 4(1)(a)(iii) Akta 777 untuk memperuntukkan bahawa suatu perbadanan hendaklah disifatkan sebagai suatu subsidiari perbadanan yang lain jika perbadanan itu memegang lebih daripada setengah jumlah keseluruhan syer dikeluarkan. Pindaan ini juga bertujuan untuk mengesahkan penggunaan persekitaran tanpa tara bagi tujuan menghitung jumlah keseluruhan syer yang dikeluarkan oleh perbadanan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan subseksyen (6) baharu ke dalam seksyen 66 Akta 777 untuk memperuntukkan takrif “dokumen” untuk menyatakan jenis dokumen yang dikehendaki untuk disempurnakan mengikut subseksyen 661(1) Akta 777.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 72(4) dan (5) Akta 777 untuk memperuntukkan bahawa jika syer ditebus daripada keuntungan dan adalah tersedia untuk dividen, suatu jumlah yang bersamaan dengan amaun syer yang ditebus itu hendaklah dipindahkan ke dalam akaun modal syer syarikat itu.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 84(1) Akta 777 untuk memperuntukkan bahawa syarikat boleh mengubah modal syernya melalui kelulusan suatu ketetapan.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 247(3) Akta 777 untuk memperuntukkan bahawa pengarah boleh memohon secara bertulis kepada Pendaftar tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum pendedaran penyata kewangan syarikat pemegang untuk mendapatkan suatu perintah yang membenarkan mana-mana subsidiari bagi syarikat pemegang itu tidak mempunyai tahun kewangan yang sama dengan syarikat pemegang itu. Pindaan ini juga bertujuan untuk memberi Pendaftar masa yang mencukupi untuk memproses permohonan itu dan untuk mengelakkan ketidakpatuhan yang disengajakan oleh pemohon.

8. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 304 Akta 777 untuk memperuntukkan bahawa syarikat dikehendaki untuk mengedarkan ketetapan bertulis yang dicadangkan oleh anggota apabila anggota telah menyimpan dengan atau memberikan kepada syarikat itu suatu jumlah wang yang mencukupi untuk memenuhi perbelanjaan syarikat itu tidak kurang daripada satu minggu sebelum syarikat itu tertakluk kepada kehendak untuk mengedarkan ketetapan di bawah seksyen 302 Akta 777.

9. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda perenggan 340(1)(c) Akta 777 untuk memperuntukkan bahawa pelantikan dan penetapan saraan juruaudit hendaklah dilakukan dalam mesyuarat agung tahunan pada tiap-tiap tahun kalendar.

10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 386 Akta 777 untuk memperuntukkan bahawa seseorang penerima atau penerima dan pengurus yang telah dilantik di bawah seksyen 385 Akta 777 boleh terus menjalankan segala kuasa yang diperuntukkan kepada penerima atau penerima dan pengurus di bawah seksyen 386 Akta 777.

11. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 433 Akta 777.

Subfasal 13(a) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa permohonan di bawah perenggan 433(1)(a), (c), (d) dan (e) berkenaan dengan kelayakan bagi seseorang untuk dilantik sebagai penyelesaian di bawah seksyen 433 Akta 777 tidak terpakai bagi syarikat yang telah digulungkan oleh penggulungan sukarela anggota atau penggulungan sukarela pemiutang.

Subfasal 13(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (4A), (4B) dan (4C) ke dalam seksyen 433 Akta 777.

Subseksyen 433(4A) yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa, setelah kelulusan kepada pelantikan penyelesaian di bawah subseksyen 433(4) Akta 777 diberikan, untuk mengenakan apa-apa had atau syarat jika difikirkannya patut.

Subseksyen 433(4B) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tempoh bagi tiap-tiap kelulusan atau pembaharuan kelulusan penyelesaian di bawah seksyen ini ialah dua tahun.

Subseksyen 433(4C) yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan kuasa untuk mewakili semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang atau kumpulan orang.

12. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 580A ke dalam Akta 777 untuk memperuntukan bahawa syarikat, yang bertindak sebagai plaintif dalam mana-mana tindakan atau prosiding lain, dikehendaki untuk memberi jaminan yang secukupnya bagi kos. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh mengarahkan supaya kos bagi apa-apa tindakan atau prosiding hendaklah ditanggung oleh pihak kepada tindakan atau prosiding itu.

13. *Fasal 15* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peruntukan kecualian.

14. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3178]